

Newspaper	Berita Harian
Date	27/5/2011

3 aspek pastikan kebangkitan Asia

DATUK Seri Najib Razak menggariskan tiga aspek penting yang perlu dilaksanakan negara Asia dalam menangani cabaran rantau ini dan bangkit daripada kesukaran yang dihadapi pada masa kini.

Aspek itu ialah pertingkatkan usaha membasmi kemiskinan dan memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi, melengkap dan memperkasakan rakyat menerusi pendidikan bagi memastikan mereka makmur serta menyediakan peluang kepada rakyat untuk memenuhi dan memperoleh kerjaya.

Perdana Menteri berkata, negara Asia mempunyai keupayaan untuk berkembang dan mengumpul kekayaan, tetapi di banyak tempat ia tidak diterjemahkan sebagai satu dasar standard untuk rakyat secara menyeluruh.

Katanya, usaha itu tidak sepatunya diabaikan sebagai agenda yang belum selesai kerana setiap negara tidak hanya memastikan ia berkembang pesat, tetapi perlu turut terbahit dalam proses berkenaan.

"Di Malaysia, kadar kemiskinan menurun kepada 2.8 peratus setakat Disember 2010, lebih rendah daripada sesetengah negara maju dan saya berazam mengurangkan kadar itu bagi mencapai semua Sasaran Pembangunan Milenium (MDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjelang 2015.

"Malah, sasaran Malaysia bukan setakat mengguna pakai pendekatan MDG, malah untuk mencatat pencapaian lebih tinggi daripada sasaran asal kerana hanya dengan

"Negara Asia mempunyai keupayaan untuk berkembang dan kumpul kekayaan..."

Najib Razak
Perdana Menteri



NAJIB ketika menyampaikan ucapatama pada Persidangan Antarabangsa Nikkel di Tokyo, semalam.

mengeluarkan rakyat daripada belunggu kemiskinan, kita boleh berdepan cabaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapatama bertema Menangani Cabaran Asia dan Bangkit Daripada Kesukaran Menerusi Kesepaduan Serantau pada Persidangan Antarabangsa Nikkei di sini, semalam.

Dalam aspek pendidikan, Najib menjelaskan, penekanan harus ditumpukan kepada pendidikan ber-

kualiti yang boleh membuka minda terhadap idea baru serta memupuk semangat keusahawanan bagi memacu inovasi baru.

Dalam ucapan kira-kira 40 minit itu, Perdana Menteri turut mengulangi komitmen Malaysia menyokong Kerajaan Jepun dalam usaha menangani dan memulihkan negara itu daripada kesan bencana gempa bumi dan tsunami Mac lalu, yang disifatkan paling teruk serta sukar selepas Perang Dunia Kedua.